

11/01/2004

Masyarakat dunia beri reaksi positif pelantikan Pak Lah

GEORGETOWN: Masyarakat antarabangsa memberikan reaksi positif kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata reaksi itu diberikan selepas mereka tertarik terhadap beberapa pendekatan yang dilaksanakan Abdullah selepas mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, masyarakat antarabangsa paling tertarik kepada isu mesra rakyat, keterbukaan, memerangi rasuah dan penekanan soal nilai yang mendorong mereka memberikan reaksi berkenaan.

"Mereka beri pandangan amat positif sekali terhadap kepemimpinan beliau (Abdullah), walaupun beliau hanya mengambil alih jawatan pada Oktober lalu tapi jelas reaksinya begitu baik sekali," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri majlis makan tengah hari bersama ahli Umno Bahagian Jelutong di sini, semalam. Hadir sama Ketua Umno Bahagian Jelutong, Mohd Nor Hussain dan ahli jawatankuasanya.

Syed Hamid diminta mengulas pandangan masyarakat dunia sejak Abdullah memegang jawatan Perdana Menteri.

Katanya, negara luar turut menganggap Malaysia mempunyai kesinambungan dari segi kepemimpinan untuk melahirkan ketentuan dan kestabilan bagi menjamin pelabur serta keyakinan pelaburan di negara ini.

"Malah, tidak ada pertukaran mendadak dari segi dasar dan undang-undang. Ini yang menarik perhatian negara luar," katanya.

Ketika ditanya mengenai kunjungan hormat Perdana Menteri ke Singapura esok (Isnin), Syed Hamid berkata, beliau percaya kedua-dua pemimpin akan berbincang mengenai perkara yang boleh meningkatkan hubungan dua hala.

Katanya, Malaysia dan Singapura mempunyai hubungkait yang rapat dalam pelbagai dimensi, termasuk pelancongan dan ekonomi.

"Kebergantungan antara kedua-dua negara amat banyak. Saya tidak hairan kalau kedua-dua pemimpin ketika berbincang akan timbul soal hubungan dua hala.

"Saya nampak pendekatan Perdana Menteri adalah untuk menentukan kita dapat menyelesaikan masalah menerusi rundingan dan dialog," katanya.

Selepas Singapura, Perdana Menteri dijangka meneruskan siri kunjungan hormatnya ke Thailand pada 16 Januari ini.

Siri kunjungan hormat Abdullah dijangka tamat pada akhir Januari ini.